

TalentCorp, Yayasan Pahang tingkat kebolehpasaran graduan

December 16, 2021 @ 10:58pm



Abd Razak (kiri) bertukar MoU dengan Mathew bagi memperkuatkan usaha membangunkan kebolehpasaran graduan di negara ini di Ibu Pejabat TalentCorp, di sini, hari ini.

KUALA LUMPUR: Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Yayasan Pahang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi memperkuatkan usaha membangunkan kebolehpasaran graduan di negara ini.

Menerusi kerjasama itu, lebih 2,000 penerima pinjaman tajaan Yayasan Pahang dan 12,000 bakat muda di bawah seliaan yayasan yang berdaftar melalui Majlis Mahasiswa Anak Pahang (MAMPAN) akan menerima manfaat.

Belia yang dilahirkan dan dibesarkan di Pahang turut diberi peluang menyertai inisiatif disediakan TalentCorp bagi menyiapkan mereka dengan kemahiran sesuai dengan industri kerja, sekali gus dapat mengurangkan jurang kemahiran dan ekonomi anak muda di Pahang.

Terdahulu, MoU ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TalentCorp, Thomas Mathew, Ketua Pegawai Operasi Yayasan Pahang, Abd Razak Abu Musa Saari dan Ketua Pegawai Eksekutif



- TERKINI PILIHAN PEMBACA
- 6m Jangan gadai masa depan, ambil iktibar kegagalan PH
 - 9m Sungai Kelantan catat paras amaran
 - 21m Taufan Rai badai Filipina, sekurang-kurang 1 maut
 - 35m Gandingan Dominic, Cools berisiko tinggi - Serbegeth
 - 37m Penduduk Kuala Krai diminta bersiap sedia
 - 38m Aksi depan kamera berbeza di TikTok
 - 41m Bursa Malaysia dibuka rendah
 - 52m Agong berkenan terima menghadap Perdana Menteri



1 DEC - 31 DEC 2021